



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	23/12/2019	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Beberapa kawasan di Mersing, Kota Tinggi dijangka bah

Fenomena air pasang diramal sebabkan air laut capai ketinggian 3.5 meter

Kulai: Beberapa kawasan di daerah Mersing dan Kota Tinggi dijangka terjejas akibat banjir sekiranya air pasang berlaku pada Rabu hingga Jumaat ini.

EXCO Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor, Jimmy Puah Wee Tse, berkata fenomena air pasang itu dijangka akan menyebabkan paras air laut mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter.

Beliau berkata, faktor empangan yang tidak boleh menampung jumlah hujan dan seterusnya berlaku limpahan serta fenomena air pasang akan menyebabkan banjir berlaku.

"Ada kawasan di Kota Tinggi yang akan naik sehingga tiga meter tetapi disebabkan daerah itu rendah yang asalnya paras air

dua meter, ia akan terus naik kepada satu meter.

"Bila air pasang datang, air tidak boleh keluar semula (jika bertembung sungai dan empangan) kerana graviti sebab paras air laut lebih tinggi daripada paras bawah.

"Jadi, ia akan berpatah balik. Itulah yang akan menyebabkan berlaku banjir," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Pembangunan Usahawan Melalui Pemasaran Online dan Penyampaian Geran Usahawan dan Belia Niaga, di sini, semalam.

Wee Tse meminta orang ramai supaya bersedia kerana sekiranya hujan lebat pada tiga hari berkenaan, kemungkinan berlaku banjir.

Beliau turut menyatakan, pihaknya bersiap siaga dari segi aset bagi menghadapi banjir dan menjelaskan bahawa pemantauan banjir sentiasa dilakukan menerusi Jabatan Meteorologi Malaysia serta Jabatan Pengairan dan Saliran.

Sementara itu, Wee Tse berkata, paras air Empangan Labong di Mersing dan Machap mengalami limpahan berikutan hujan lebat yang berterusan.

BERNAMA



Ada kawasan di Kota Tinggi yang akan naik sehingga tiga meter tetapi disebabkan daerah itu rendah yang asalnya paras air dua meter, ia akan terus naik kepada satu meter.

Jimmy Puah Wee Tse, EXCO Jawatankuasa Perdagangan Antarabangsa, Pelaburan dan Utiliti Johor